

[Report on Tohoku Volunteer Program 2012]

Mother Tongue

Name: Subhashini Raj Kumal

[In your mother tongue]

1. What impression did you have on Tohoku after 1.5 year of disaster?

Saya pergi ke Kitsunozaki di Ishinomaki, Sendai. Selepas 1.5 tahun, saya dapat melihat banyak penambahbaikan dan pembinaan semula telah dilakukan. Begitu banyak yang telah dilakukan untuk membina semula Ishinomaki dalam masa yang singkat. Masih terdapat sedikit tanda bencana seperti bangunan sekolah terbengkalai tetapi jika diberi sedikit masa lagi Ishinomaki akan mempunyai imej baru.

2. Please describe your experiences and tell us your reflection of them (for example, the work which you were engaged in, people's conditions you observed, the stories you heard from them, and any other interesting experiences you would like to share with readers of this report).

Saya berada di Kitsunozaki selama dua hari. Saya bekerja di kawasan perikanan dan telah diajar untuk mengatur cenkerang untuk pembiakan tiram. Para sukarelawan telah ditugaskan ke rumah berlainan setiap hari dan ini memberi peluang untuk bertemu and berbual dengan orang baru setiap hari. Semua penduduk tempatan dan sukarelawan akan berkumpul untuk makan tengahari bersama-sama. Ini memberikan kami peluang untuk berinteraksi dengan penduduk tempatan yang melayani kami seperti ahli keluarga sendiri. Mereka juga telah membawa kami bersiar dengan bot untuk melihat tempat pembiakan tiram dan ikan di laut. Kebanyakkan penduduk tempatan adalah orang tua yang masih bekerja keras setiap hari. Ia adalah menyedihkan untuk melihat sangat sedikit anak-anak muda tempatan yang bekerja di kawasan perikanan tersebut. Saya memerhatikan perbuatan berinteraksi dengan orang tempatan sangat penting kepada mereka. Berinteraksi memberikan sokongan moral kepada mereka untuk meneruskan hidup selepas bencana. Program ini adalah satu pengalaman yang bagus.

3. What did you learn from Tohoku and what would you like to suggest to your country people in case of natural disasters that might happen in your country?

Bencana alam adalah tidak menentu dan tidak dapat dielakkan. Persediaan untuk menghadapi bencana akan membantu ke tahap tertentu. Ia adalah penting untuk

membina semula secepat yang mungkin selepas bencana supaya penduduk yang terjejas tidak hilang semangat. Ia juga penting untuk bekerja bersama-sama dalam masyarakat seperti orang tempatan Kitsunezaki supaya kita boleh membantu antara satu sama lain and sesuatu tugas dapat dilakukan dengan lebih cepat apabila bekerja secara berpasukan. Kita juga mesti terus berinteraksi dengan penduduk yang terbabit untuk memberikan sokongan moral kepada mereka.

4. Your message to your country people

Masih tidak terlambat untuk menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Aktiviti sukarela memberikan peluang kepada kita untuk melakukan sesuatu yang berguna dan meluaskan pemikiran kita. Penduduk Tohoku menanti lawatan mesra anda. Kerja sukarela tidak susah dan mereka akan melayan kita seperti ahli keluarga sendiri. Berinteraksilah and berkongsi cerita menarik dengan mereka. Ia adalah satu pengalaman yang akan anda menghargai. Saya harap program ini akan diteruskan pada masa akan datang dan saya mengucapkan terima kasih kepada ACC 21 dan JEN untuk peluang ini.